



### **Pembangunan bersepadu RM1.6 bilion di Radia**

Sime Darby Property Bhd. akan membangunkan pembangunan bersepadu Radia di Bukit Jelutong, Shah Alam menerusi usaha sama dengan UEM Sunrise Bhd. dalam projek yang bernilai RM1.6 bilion

- Muka 18

# Pembangunan bersepadu bernilai RM1.6 bilion di Bukit Jelutong

# Sime Darby-UEM bangunkan Radia

Oleh **NUR HANANI AZMAN**

pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 10 Sept. - Pemaju hartanah, Sime Darby Property Bhd. (Sime Darby Property) akan membangunkan pembangunan bersepadu Radia di Bukit Jelutong, Shah Alam menerusi usaha sama dengan UEM Sunrise Bhd. (UEM Sunrise).

Usahasama secara 50:50 itu akan beroperasi menerusi syarikat usaha sama dikenali sebagai Sime Darby Sunrise Development Sdn. Bhd.

Radia melibatkan kawasan pembangunan seluas 2.7 juta kaki persegi dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM1.6 bilion.

Pengarah Urusannya, Datuk Abdul Wahab Maskan berkata, projek berkenaan direka oleh firma seni bina Perancis, Boiffils JH dan dijangka siap pada tahun 2018.

"Bandar baharu ini akan terdiri

daripada 640 unit pangsapuri perkhidmatan, ruang pejabat (400,000 kaki persegi) dan ruang runcit (880,000 kaki persegi).

"Sehubungan itu, Radia dijangka menjadi tuan rumah kepada 25,000 penduduk dan pekerja apabila selesai," katanya dalam sesi Pratonton Media Projek Pembangunan Bersepadu Bukit Jelutong di Kuala Lumpur Golf & Country Club (KLGCC) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UEM Sunrise, Datuk Wan Abdullah Wan Ibrahim.

Jelasnya, Radia boleh diakses kepada pusat bandar utama seperti Shah Alam, Klang dan Kuala Lumpur melalui lebuh raya seperti Le-

buh Raya Baru Lembah Klang (NKVE) dan Shah Alam-Kuang (Guthrie) Corridor Expressway.

Sementara itu, Wan Abdullah berkata, beliau percaya pengalaman UEM Sunrise yang luas dalam pembangunan bersepadu seperti Solaris Mont' Kiara, Solaris Dutamas, Publika dan Nusajaya meyakinkan Sime Darby Property untuk bekerjasama.

"Keupayaan dan pengetahuan kedua-dua pihak akan menjadi kunci dalam mengubah Bukit Jelutong berkembang kepada pembangunan komuniti yang lestari.

"Pembangunan yang terdiri daripada runcit, komersial, pejabat an pusat hiburan seperti Radia adalah tepat pada masanya kerana ia akan memenuhi keperluan dan jangka panjang masyarakat Bukit Jelutong," katanya.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



**ABD. Wahab Maskan (dua kanan), Wan Abdullah Wan Ibrahim (dua kiri) dan pengurusan Sime Darby Property dan UEM Sunrise melihat model projek Radia Bukit Jelutong pada sesi pratonton media di Kuala Lumpur Golf & Country Club, Kuala Lumpur, semalam.**